



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN  
HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM JUALAN MALAYSIA @ RAYA**

PADA

**9 APRIL 2021 (JUMAAT)**

TEMPAT

**JAKEL MALL  
LOT 159, JAKEL SQUARE, OFF,  
JALAN MUNSHI ABDULLAH, KUALA LUMPUR**

Salam Sejahtera,

## **SALUTASI**

*(Akan disediakan ketika majlis)*

## **ALUAN**

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah hadir ke program kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Syarikat Jakel Trading Sdn. Bhd. pada hari ini.
2. Kerjasama ini adalah salah satu contoh bagaimana semua pihak mengembleng tenaga membantu sektor peruncitan yang terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan mengharungi cabaran ekonomi yang sukar kini. Kerjasama semua pihak ini cukup bermakna kepada Kerajaan dalam merencanakan semula pertumbuhan sektor peruncitan.
3. Untuk makluman, Program Jualan Malaysia (PJM) ini merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020. Ketika itu, PJM memfokuskan **pengukuhan**

**perbelanjaan domestik** dengan menggalakkan pengguna di Malaysia untuk **membeli barangan tempatan**, selain untuk **menggalakkan rakyat malaysia berbelanja** bagi meningkatkan jualan segmen peruncitan yang teruk terjejas sepanjang tempoh PKP.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

4. Sepanjang tempoh PJM tahun 2020 dilaksanakan, PJM telah **berjaya melepasi sasaran jualan yang ditetapkan**, di mana nilai jualan sektor runcit pada suku keempat tahun 2020 mencatatkan nilai jualan pada kadar **RM135.9 Billion**, iaitu melebihi sasaran nilai jualan yang ditetapkan oleh Kementerian iaitu sebanyak **RM100 Billion**. Pada **PJM tahun ini Kementerian mensasarkan nilai jualan adalah pada kadar RM120 bilion**.
5. Berdasarkan rekod, permohonan Notis Jualan Murah sepanjang tempoh PJM berlangsung tahun 2020 iaitu bermula pada bulan Julai sehingga Disember mencatatkan sebanyak sebanyak 10,879 permohonan. Manakala bilangan premis yang melaksanakan jualan murah merekodkan sebanyak 196,879 premis melaksanakan jualan murah sepanjang tempoh PJM.

6. Pelaksanaan PJM tidak akan berjaya sekiranya tiada sokongan penuh daripada seluruh pemain industri peruncitan daripada pelbagai format perniagaan seperti ***Hypermarket, Departmental Store, Superstore, Specialty Store, Convenience Store***, sehingga kepada persatuan peruncit, pembeli serta pengguna.
7. Komitmen tinggi dari semua pihak ini penting dalam menggalakkan lagi pertumbuhan sektor peruncitan yang terjejas kini. Jutaan terima kasih saya ucapkan atas kerjasama yang diberikan khususnya sepanjang PJM tahun 2020.
8. Berdasarkan sambutan baik dan impak program ini kepada sektor peruncitan negara, KPDNHEP berpandangan bahawa program ini perlu diteruskan lagi untuk edisi kedua tahun ini. Adalah diharapkan kerjasama baik ini diteruskan lagi untuk menjayakan PJM tahun 2021.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

9. Bagi tahun 2021, pelaksanaan PJM ini adalah berpandukan **5 objektif utama** iaitu;

- i. Membantu industri merencanakan aktiviti sektor peruncitan yang terjejas sepanjang tempoh PKP, PKPB dan PKPP;
  - ii. Mengembalikan keyakinan pembeli dan pengguna;
  - iii. Mempromosi penggunaan aplikasi atas talian *MySales Tracker* yang dibangunkan KPDNHEP kepada pihak industri dan pengguna;
  - iv. Mendidik pengguna supaya berbelanja berhemah dalam musim perayaan; dan
  - v. Advokasi berterusan norma baharu Sektor Peruncitan di kalangan pengguna.
10. Justeru, KPDNHEP sangat berbesar hati untuk mengumumkan bahawa pada tahun 2021, PJM memfokuskan jualan kepada lima (5) segmen perayaan utama Malaysia iaitu **Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Keamatan, Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia, Hari Deepavali dan Hari Krismas.**
11. Konsep ini dipilih berdasarkan maklumbalas persatuan dan pemain industri sepanjang pelaksanaan PJM tahun 2020 yang memfokuskan segmen bertemakan jenis produk peruncitan. Segmen Tahun Baru Cina tidak dapat dilaksanakan berikutan pelaksanaan PKP. Pemilihan Jakel

bagi pelancaran PJM 2021 dilihat signifikan dengan salah satu segmen iaitu Hari Raya Aidilfitri.

12. PJM kali ini juga turut di jalankan secara bersama Kempen Beli Barangan Malaysia, Program Pembudayaan Norma Baharu Sektor Peruncitan. Pengisian PJM 2021 juga meliputi program *shopping street/district*, aktiviti promosi, cabutan bertuah dan *e-Voucher*.

## **PENUTUP**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

13. Bagi menjayakan PJM ini, Kementerian juga ingin mengingatkan bahawa pematuhan terhadap semua Prosedur Operasi Standard (SOP) dan amalan budaya norma baharu yang ditetapkan oleh Kerajaan perlu diutamakan. Hadirin di ingatkan untuk mengimbas aplikasi MySejahtera, sentiasa memakai pelitup muka dan sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal.
14. Setakat ini prestasi pematuhan SOP sektor peruncitan amatlah membanggakan iaitu pada tahap 94% berdasarkan pemantauan ke atas premis . Marilah sama-sama kita terus menjadikan sektor2 peruncitan ekonomi yg

selamat dan berjaya mengimbangkan antara *live* dan *livelihood*.

15. Pada masa yang sama, saya menyeru kepada rakyat Malaysia agar terus membantu memulihkan ekonomi Malaysia dengan berbelanja. “Berbelanjalah untuk Malaysia”, kerana setiap perbelanjaan kita kelak akan dapat membantu memastikan ekonomi negara kita kekal berdaya saing.
16. Suka juga saya mengingatkan kepada peruncit janganlah mengambil kesempatan ke atas kelonggaran yang diberikan oleh Kerajaan ke atas peraturan mengadakan jualan murah. Pastikan harga yang ditawarkan adalah menarik dan munasabah. Kepada pembeli dan pengguna, rancanglah pembelian sebaik mungkin.
17. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan **terima kasih kepada Syarikat Jakel Trading Sdn. Bhd.** yang telah bersama-sama membantu menjayakan PJM bersama-sama dengan pihak KPDNHEP. Saya berharap jalinan kerjasama ini akan berterusan dalam memberi manfaat kepada rakyat dan membantu merancakkan semula ekonomi negara kita.

18. Dengan ini, saya merasmikan **PROGRAM JUALAN MALAYSIA @ RAYA DI JAKEL MALL, KUALA LUMPUR.**

Sekian. Terima kasih.